



4 Mac 2016  
4 March 2016  
P.U. (A) 50

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS  
DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA  
BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG  
INSURANS) (PINDAAN) 2016

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION  
(DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS IN RESPECT OF  
INSURER MEMBERS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM  
PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENANGGUNG INSURANS)  
(PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 209(1)(a) dan seksyen 77 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016.

**Pindaan am**

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2012 [*P.U. (A) 496/2012*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “syarikat insurans” di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam peraturan 2 dan 3, subperaturan 4(3), peraturan 11 dan 12, dan perenggan 1, jadual kepada perenggan 8, jadual kepada perenggan 9, jadual kepada perenggan 10 dan subperenggan 16(2) Jadual, dengan perkataan “anggota penanggung insurans”.

**Pemotongan peraturan 2**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 2.

**Pindaan peraturan 3**

4. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong tafsiran “syarikat insurans baru”.

#### **Pindaan peraturan 4**

5. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi suatu anggota penanggung insurans—

(a) dalam tahun taksiran yang ia menjadi anggota penanggung insurans; dan

(b) dalam tahun taksiran sebaik selepas tahun taksiran yang ia menjadi anggota penanggung insurans.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Bagi mengelakkan keraguan, subperaturan (1) hendaklah terpakai bagi suatu anggota penanggung insurans digabung dan suatu anggota penanggung insurans yang bergabung sebagaimana yang diperihalkan masing-masing dalam subperenggan 18(1) dan (3) Jadual.”.

#### **Pindaan peraturan 11**

6. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “syarikat insurans baru” dengan perkataan “anggota penanggung insurans”;

(b) dengan menggantikan perkataan “syarikat insurans baru” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “anggota penanggung insurans”;

(c) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran pertamanya” dengan

perkataan “tahun taksiran yang ia menjadi anggota penanggung insurans”;

(d) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran keduanya” dengan perkataan “tahun taksiran sebaik selepas tahun taksiran yang ia menjadi anggota penanggung insurans”; dan

(e) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Bagi mengelakkan keraguan, subperaturan (2) tidak terpakai bagi suatu anggota penanggung insurans digabung sebagaimana yang diperihalkan dalam subperenggan 18(1) Jadual.”.

### **Peraturan baharu 13**

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 12 peraturan yang berikut:

#### **“Pelarasan bagi pengendali takaful**

13. Bagi tahun taksiran 2016, jumlah markah untuk kriteria kuantitatif berkenaan dengan suatu pengendali takaful, selain suatu pengendali takaful yang menjadi anggota penanggung insurans dalam tahun taksiran 2015 atau 2016, hendaklah dilaraskan ke atas sehingga sepuluh peratus daripada jumlah markah itu, tertakluk kepada jumlah markah itu setelah dilaraskan tidak melebihi enam puluh peratus daripada jumlah pemarkahan kriteria.”.

### **Pindaan Jadual**

8. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

“1. Dalam Jadual ini—

“Garis Panduan Mengenai Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful” ertinya garis panduan mengenai rangka kerja sistem levi berbeza bagi pengendali takaful sebagaimana yang dibuat oleh Perbadanan;

“Garis Panduan Mengenai Sistem Levi Berbeza bagi Syarikat Insurans” ertinya garis panduan mengenai rangka kerja sistem levi berbeza bagi syarikat insurans sebagaimana yang dibuat oleh Perbadanan;

“Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful” ertinya *Guidance Notes for Takaful Operators Statistical System on Submission of Monthly/Quarterly/Annual Statistical Returns* sebagaimana yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia;

“Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans” ertinya *Guidance Notes for Insurance Companies Statistical System on Submission of Monthly/Quarterly/Annual Statistical Returns* sebagaimana yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia;

“insurans komposit” berhubung dengan perniagaan insurans, ertinya kedua-dua perniagaan insurans hayat dan insurans am yang dijalankan oleh suatu anggota penanggung insurans;

“takaful komposit” berhubung dengan perniagaan takaful, ertinya kedua-dua perniagaan takaful perpaduan keluarga dan perniagaan takaful am yang dijalankan oleh suatu anggota penanggung insurans.”;

(b) dalam jadual kepada perenggan 2—

(i) berhubung dengan kriteria kuantitatif, dalam ruang (3)—

(A) dengan menggantikan perkataan “Bagi kedua-dua

perniagaan insurans hayat dan perniagaan insurans am” dengan perkataan “Bagi perniagaan insurans dan perniagaan takaful”;

(B) dengan menggantikan perkataan “subperenggan 4(1) dan 5(1)” dengan perkataan “subperenggan 4(1), 5(1), 6(1), 6A(1), 6B(1) dan 6C(1)”;

(C) dengan menggantikan perkataan “Nisbah pulangan atas modal yang diperlukan” dengan perkataan “Nisbah perbelanjaan”; dan

(D) dengan menggantikan perkataan “Nisbah margin operasi” dengan perkataan “Volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan”;

(ii) dengan memasukkan sebelum kriteria kualitatif dan butir-butir yang berhubungan dengannya butir-butir yang berikut:

<i>Kriteria</i>	<i>Wajaran</i>	<i>Ukuran-ukuran kriteria dan penunjuk aras berkaitan</i>
(1)	(2)	(3)
		Bagi perniagaan takaful perpaduan keluarga <i>(a)</i> Kadar pertumbuhan perniagaan baru <i>(b)</i> Nisbah penumpuan perniagaan <i>(c)</i> Nisbah pengekaln perniagaan <i>(d)</i> Hasil pelaburan <i>(e)</i> Nisbah jurang perbelanjaan (rujuk kepada subperenggan 6A(2) dan perenggan 10A)

<i>Kriteria</i>	<i>Wajaran</i>	<i>Ukuran-ukuran kriteria dan penunjuk aras berkaitan</i>
(1)	(2)	(3)
		Bagi perniagaan takaful am <i>(a)</i> Kadar pertumbuhan sumbangan kasar <i>(b)</i> Nisbah kepelbagaian perniagaan <i>(c)</i> Nisbah belum terima <i>(d)</i> Nisbah kerugian <i>(e)</i> Nisbah jurang perbelanjaan (rujuk kepada subperenggan 6B(2) dan perenggan 10B)

”; dan

(iii) berhubung dengan kriteria kualitatif, dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan “Bagi perniagaan insurans hayat dan perniagaan insurans am” dengan perkataan “Bagi perniagaan insurans dan perniagaan takaful”;

(c) dalam perenggan 3—

(i) dalam jadual kepada subperenggan (1)—

(A) dengan menggantikan perkataan “subperenggan 4(1), 5(1), 6(1) dan perenggan 8)” dengan perkataan “subperenggan 4(1), 5(1), 6(1), 6A(1), 6B(1) dan 6C(1), dan perenggan 8)”;

(B) dengan menggantikan perkataan “subperenggan 4(2), (3) dan (4), 5(2), (3) dan (4), 6(2), (3), (4), (5) dan (6) dan perenggan 9 dan 10)” dengan perkataan “subperenggan 4(2), (3) dan (4), 5(2), (3) dan (4), 6(2), (3), (4), (5) dan (6), 6A(2), (3) dan (4), 6B(2), (3) dan (4),

6C(2), (3), (4), (5) dan (6), dan perenggan 9, 10, 10A dan 10B”); dan

- (ii) dalam subsubperenggan (2)(b), dengan menggantikan perkataan “perenggan 9 dan 10” dengan perkataan “perenggan 9, 10, 10A dan 10B”;

(d) dalam perenggan 4—

- (i) dalam subsubperenggan (2)(e), dengan menggantikan perkataan “nisbah pulangan atas modal yang diperlukan” dengan perkataan “nisbah perbelanjaan”; dan
- (ii) dalam jadual kepada subperenggan (3), dalam ruang (1), dengan menggantikan perkataan “Nisbah pulangan atas modal yang diperlukan” dengan perkataan “Nisbah perbelanjaan”;

(e) dalam perenggan 5—

- (i) dalam subsubperenggan 2(e), dengan menggantikan perkataan “nisbah margin operasi” dengan perkataan “volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan”; dan
- (ii) dalam jadual kepada subperenggan (3)—
  - (A) berhubung dengan penunjuk aras “Nisbah belum terima” dalam ruang (1), dengan menggantikan perkataan “20” yang terdapat bersebelahan dengannya dalam ruang (2) dengan perkataan “15”;
  - (B) berhubung dengan penunjuk aras “Nisbah gabungan” dalam ruang (1), dengan menggantikan perkataan “20” yang terdapat bersebelahan dengannya dalam



ruang (2) dengan perkataan “25”; dan

- (C) dalam ruang (1), dengan menggantikan perkataan “Nisbah margin operasi” dengan perkataan “Volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan”;

*f)* dalam perenggan 6—

- (i) dalam subsubperenggan (2)(*e*), dengan menggantikan perkataan “nisbah pulangan atas modal yang diperlukan” dengan perkataan “nisbah perbelanjaan”;

- (ii) dalam subsubperenggan (3)(*e*), dengan menggantikan perkataan “nisbah margin operasi” dengan perkataan “volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan”;

(iii) dalam jadual kepada subsubperenggan (4)(*a*)—

- (A) dalam ruang (1), dengan menggantikan perkataan “Nisbah pulangan atas modal yang diperlukan” dengan perkataan “Nisbah perbelanjaan”;

- (B) dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan “Nisbah margin operasi” dengan perkataan “Volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan”;

- (C) berhubung dengan penunjuk aras “Nisbah belum terima” dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan “20” yang terdapat bersebelahan dengannya dalam ruang (4) dengan perkataan “15”; dan

- (D) berhubung dengan penunjuk aras “Nisbah gabungan” dalam ruang (3), dengan menggantikan perkataan “20” yang terdapat bersempena dengannya dalam ruang (4) dengan perkataan “25”; dan
- (iv) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subperenggan (5), dengan menggantikan perkataan “perenggan 4” dengan perkataan “subperenggan (4)”;
- (g) dengan memasukkan selepas perenggan 6 perenggan yang berikut:

**“Kriteria kuantitatif bagi perniagaan takaful perpaduan keluarga**

6A. (1) Dalam pentaksiran ukuran modal bagi kriteria kuantitatif, suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful perpaduan keluarga hendaklah mengambil kira indeks lebih modal anggota penanggung insurans itu yang hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

(2) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif, suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful perpaduan keluarga hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) kadar pertumbuhan perniagaan baru;
- (b) nisbah penumpuan perniagaan;
- (c) nisbah pengekalan perniagaan;
- (d) hasil pelaburan; dan
- (e) nisbah jurang perbelanjaan.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), wajaran penunjuk aras yang ditentukan dalam ruang (1) berkenaan dengan ukuran operasi dan kemampuan terhadap kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful perpaduan keluarga ditentukan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Wajaran (%)</i> (2)
Kadar pertumbuhan perniagaan baru	25
Nisbah penumpuan perniagaan	20
Nisbah pengekalan perniagaan	20
Hasil pelaburan	15
Nisbah jurang perbelanjaan	20
Jumlah	100

(4) Jumlah pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan terhadap kriteria kuantitatif suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful perpaduan keluarga adalah jumlah pemarkahan penunjuk aras menurut perenggan 10A dan hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

#### **Kriteria kuantitatif bagi perniagaan takaful am**

6B. (1) Dalam pentaksiran ukuran modal bagi kriteria kuantitatif, suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am hendaklah mengambil kira indeks lebihan modal anggota penanggung insurans itu yang hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

(2) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif, suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am hendaklah mengambil kira faktor yang berikut:

- (a) kadar pertumbuhan sumbangan kasar;
- (b) nisbah kepelbagaian perniagaan;
- (c) nisbah belum terima;
- (d) nisbah kerugian; dan
- (e) nisbah jurang perbelanjaan.

(3) Bagi maksud subperenggan (2), wajaran penunjuk aras yang ditentukan dalam ruang (1) berkenaan dengan ukuran operasi dan kemampuan terhadap kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am ditentukan dalam ruang (2) seperti yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Wajaran (%)</i> (2)
Kadar pertumbuhan sumbangan kasar	25
Nisbah kepelbagaian perniagaan	20
Nisbah belum terima	15
Nisbah kerugian	20
Nisbah jurang perbelanjaan	20
Jumlah	100

(4) Jumlah pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan terhadap kriteria kuantitatif suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am adalah jumlah pemarkahan penunjuk aras menurut perenggan 10B dan hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

**Kriteria kuantitatif bagi perniagaan takaful komposit**

6C. (1) Dalam pentaksiran ukuran modal bagi kriteria kuantitatif, suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful komposit hendaklah mengambil kira indeks lebih modal anggota penanggung insurans itu yang hendaklah memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi mendatar matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).

(2) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif, berkenaan dengan perniagaan takaful perpaduan keluarga anggota penanggung insurans itu, suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful komposit hendaklah mengambil kira faktor yang berikut yang hendaklah dihitung menurut perenggan 10A, mengikut wajaran seperti yang dinyatakan dalam subperenggan (4) dan perkadaran sebagaimana yang ditentukan dalam subperenggan (5):

- (a) kadar pertumbuhan perniagaan baru;
- (b) nisbah penumpuan perniagaan;
- (c) nisbah pengekalan perniagaan;
- (d) hasil pelaburan; dan

(e) nisbah jurang perbelanjaan.

(3) Dalam pentaksiran ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif, berkenaan dengan perniagaan takaful am anggota penanggung insurans itu, suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful komposit hendaklah mengambil kira faktor yang berikut yang hendaklah dihitung menurut perenggan 10B, mengikut wajaran seperti yang dinyatakan dalam subperenggan (4) dan perkadaran sebagaimana yang ditentukan dalam subperenggan (5):

(a) kadar pertumbuhan sumbangan kasar;

(b) nisbah kepelbagaian perniagaan;

(c) nisbah belum terima;

(d) nisbah kerugian; dan

(e) nisbah jurang perbelanjaan.

(4) Bagi maksud subperenggan (2) dan (3)—

(a) wajaran bagi penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful komposit, berkenaan dengan perniagaan takaful perpaduan keluarga ditentukan dalam ruang (1) dan (2), dan berkenaan dengan perniagaan takaful am ditentukan dalam ruang (3) dan (4) seperti yang berikut:

<i>Perniagaan takaful perpaduan keluarga</i>		<i>Perniagaan takaful am</i>	
<i>Penunjuk aras</i>	<i>Wajaran (%)</i>	<i>Penunjuk aras</i>	<i>Wajaran (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
Kadar pertumbuhan perniagaan baru	25	Kadar pertumbuhan sumbangan kasar	25
Nisbah penumpuan perniagaan	20	Nisbah kepelbagaian perniagaan	20
Nisbah pengekalan perniagaan	20	Nisbah belum terima	15
Hasil pelaburan	15	Nisbah kerugian	20
Nisbah jurang perbelanjaan	20	Nisbah jurang perbelanjaan	20
Jumlah	100	Jumlah	100

- (b) jumlah pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif perniagaan takaful perpaduan keluarga suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful komposit adalah jumlah pemarkahan penunjuk aras menurut perenggan 10A;
- (c) jumlah pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif

perniagaan takaful am suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful komposit adalah jumlah pemarkahan penunjuk aras menurut perenggan 10B.

(5) Pemarkahan ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif bagi perniagaan takaful perpaduan keluarga dan perniagaan takaful am suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful komposit menurut subperenggan (4) hendaklah dikadarkan mengikut peratusan sumbangan bersih dari perniagaan takaful perpaduan keluarga dan perniagaan takaful am anggota penanggung insurans itu.

(6) Jumlah pemarkahan bagi ukuran operasi dan kemampuan bagi kriteria kuantitatif suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful komposit adalah jumlah pemarkahan yang telah dikadarkan dari perniagaan takaful perpaduan keluarga dan perniagaan takaful am menurut subperenggan (5) dan akan memutuskan kedudukan anggota penanggung insurans itu pada paksi menegak matriks kriteria kuantitatif dalam subperenggan 3(1).”;

(h) dengan menggantikan jadual kepada perenggan 8 dengan jadual yang berikut:

<i>Penunjuk aras (1)</i>	<i>Formula (2)</i>	<i>Julat hasil (3)</i>
Indeks lebih modal	$\frac{\text{CAR (\%)}}{\text{ITCL (\%)}}$ iaitu, berhubung dengan suatu anggota	> 1.20 1.10 < tetapi ≤ 1.20 1.00 ≤ tetapi ≤ 1.10 < 1.00



<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)
	<p>penanggung insurans, CAR adalah nisbah kecukupan modal sebagaimana yang ditentukan dalam "<i>Risk-Based Capital Framework for Insurers</i>" atau "<i>Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators</i>" yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan ITCL adalah paras modal sasaran individu sebagaimana yang ditentukan dalam "<i>Guidelines on Internal Capital Adequacy Assessment Process (ICAAP) for Insurers</i>" atau "<i>Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators</i>" yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia; dan</p> <p>CAR dikira berdasarkan purata CAR bagi empat (4) suku tahun bagi tahun taksiran yang sebelumnya.</p>	";

(i) dalam jadual kepada perenggan 9—

(i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "apabila" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "iaitu";

(ii) berhubung dengan penunjuk aras "Kadar pertumbuhan perniagaan baru", dalam ruang (2)—

(A) dengan menggantikan perkataan "t = tahun taksiran yang

- sebelumnya” dengan perkataan “t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”;
- (B) dengan menggantikan perkataan “t-1 = satu tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”; dan
- (C) dengan menggantikan perkataan “t-2 = dua tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “t-2 = tiga tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”;
- (iii) berhubung dengan penunjuk aras “Nisbah penumpuan perniagaan”, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “t = tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”;
- (iv) berhubung dengan penunjuk aras “Nisbah pengkalan perniagaan”, dalam ruang (2)—
- (A) dengan menggantikan perkataan “t = tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”; dan
- (B) dengan menggantikan perkataan “t-1 = satu tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”;
- (v) berhubung dengan penunjuk aras “Hasil pelaburan”, dalam ruang (2)—
- (A) dengan menggantikan perkataan “t = tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “t = satu tahun sebaik

- sebelum tahun taksiran semasa”;
- (B) dengan menggantikan perkataan “t-1 = satu tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”;
  - (C) dengan menggantikan perkataan “kedua-dua keuntungan modal direalisasi bersih dan keuntungan modal tidak direalisasi bersih” dengan perkataan “kedua-dua keuntungan atau kerugian modal direalisasi bersih dan keuntungan atau kerugian modal tidak direalisasi bersih”;
  - (D) dengan menggantikan perkataan “terdiri daripada” dengan perkataan “termasuk”;
  - (E) dengan menggantikan perkataan “bagi tahun taksiran” dengan perkataan “dalam tahun taksiran yang sebelumnya”;
  - (F) dengan menggantikan perkataan “pada 31 Disember bagi satu tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “pada 31 Disember bagi dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”; dan
  - (G) dengan menggantikan perkataan “pada 31 Disember tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “pada 31 Disember satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”;
- (vi) dengan memasukkan selepas penunjuk aras “Hasil pelaburan” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butir-butir yang berikut:

“

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
Nisbah perbelanjaan	Perbelanjaan pengurusan + Saraan agensi	< 20.00%	15
	$\frac{\text{Perbelanjaan pengurusan + Saraan agensi}}{\text{Pendapatan premium bersih}} \times 100\%$	20.00% ≤ tetapi < 30.00%	10
	iaitu, Perbelanjaan pengurusan merujuk kepada semua perbelanjaan yang berhubungan dengan perniagaan insurans atau perniagaan berkaitan pelaburan selain tuntutan dan saraan agensi, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans;	30.00% ≤ tetapi < 40.00%	5
	Saraan agensi merujuk kepada jumlah komisen yang dibayar kepada ejen, ketua agensi atau perantara lain berkenaan dengan premium tunggal, premium-premium yang	≥ 40.00%	0

“

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
	<p>berhubungan dengan tahun polisi pertama dalam kontrak insurans, ditolak komisen insurans semula dan perbelanjaan berkaitan dengan agensi, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans. Bagi perniagaan berkaitan pelaburan, saraan agensi merujuk kepada saraan atau ganjaran untuk membawa masuk perniagaan, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans; dan</p> <p>Pendapatan premium bersih merujuk kepada jumlah pendapatan premium bersih bagi semua perniagaan</p>		

“

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah</i> <i>(%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
	sebagaimana yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans.		

”; dan

(vii) dengan memotong penunjuk aras “Nisbah pulangan atas modal yang diperlukan” dan butir-butir yang berhubungan dengannya;

(j) dalam jadual kepada perenggan 10—

(i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “apabila” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “iaitu”;

(ii) berhubung dengan penunjuk aras “Kadar pertumbuhan premium kasar”, dalam ruang (2)—

(A) dengan menggantikan perkataan “t = tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”;

(B) dengan menggantikan perkataan “t-1 = satu tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”; dan

(C) dengan menggantikan perkataan “t-2 = dua tahun taksiran yang sebelumnya” dengan perkataan “t-2 = tiga tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa”;

- (iii) dengan menggantikan penunjuk aras “Nisbah belum terima” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butir-butir yang berikut:

“

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah (%)</i> (4)
Nisbah belum terima	$\frac{\text{Insurans belum terima}}{\text{Premium kasar}} \times 100\%$	$\leq 10.00\%$	15
	iaitu, Insurans belum terima merujuk kepada agregat premium terkumpul dan baki ejen dan jumlah terhutang dari penanggung insurans semula atau syarikat pengesid sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Syarikat Insurans.	$10.00\% <$ tetapi $\leq 15.00\%$	10
		$15.00\% <$ tetapi $\leq 20.00\%$	5
		$> 20.00\%$	0

”;

- (iv) berhubung dengan penunjuk aras “Nisbah gabungan”—

(A) dalam ruang (2)—

(AA) dengan menggantikan perkataan “pada tahun ini” dengan perkataan “dalam tahun taksiran yang sebelumnya”; dan

- (BB) dengan menggantikan perkataan “dalam tempoh pengiraan” dengan perkataan “dalam tahun taksiran yang sebelumnya”; dan
- (B) dalam ruang (4), dengan menggantikan perkataan “20”, “14”, “7” dan “0” masing-masing dengan perkataan “25”, “16”, “8” dan “0”;
- (v) dengan memasukkan selepas penunjuk aras “Nisbah gabungan” dan butir-butir yang berhubungan dengannya butir-butir yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah (%)</i> (4)
Volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan	Sisihan piawai separa atas keuntungan atau kerugian operasi bagi tempoh tiga tahun	$0 \leq \text{tetapi} \leq 0.2$	15
		$0.2 < \text{tetapi} \leq 0.5$	10
	Min keuntungan atau kerugian operasi bagi tempoh tiga tahun	$> 0.5$	0
		$< 0$	0
	iaitu, Keuntungan operasi merujuk kepada keuntungan atau kerugian yang berbangkit daripada operasi perniagaan		



<i>Penunjuk aras</i> (1)	<i>Formula</i> (2)	<i>Julat hasil</i> (3)	<i>Markah (%)</i> (4)
	<p>sebagaimana yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Mengenai Sistem Levi Berbeza bagi Syarikat Insurans.</p> <p>Bagi mengelakkan keraguan, apabila “Min keuntungan atau kerugian operasi bagi tempoh tiga tahun” untuk anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans am adalah bersamaan dengan sifar, markah yang diberi untuk penunjuk aras ini adalah sifar.</p>		

”; dan

(vi) dengan memotong penunjuk aras “Nisbah margin operasi” dan butir-butir yang berhubungan dengannya;

(k) dengan memasukkan selepas perenggan 10 perenggan yang berikut:

**“Penghitungan dan pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan bagi perniagaan takaful perpaduan keluarga**

10A. Penunjuk aras yang ditentukan dalam ruang (1) bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful perpaduan keluarga hendaklah dihitung mengikut formula yang ditentukan dalam ruang (2), dan jika nilai itu termasuk dalam julat hasil yang ditentukan dalam ruang (3), pemarkahan yang diberi kepada nilai itu hendaklah yang bersetentangan dengan markah yang ditentukan dalam ruang (4) seperti yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
Kadar pertumbuhan perniagaan baru	$\frac{[\text{Sumbangan perniagaan baru (t) - sumbangan perniagaan baru (t-1)]}{\text{Sumbangan perniagaan baru (t-1)}} \times 100\%$ <p>Ini adalah berdasarkan purata wajaran tiga tahun kadar pertumbuhan dihitung seperti yang berikut:  <math>[50\% \times \text{kadar pertumbuhan (t)}] + [30\% \times \text{kadar pertumbuhan (t-1)}] + [20\% \times \text{kadar pertumbuhan (t-2)}]</math>            iaitu,            t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa;</p>	> 10.00%	25
		5.00% < tetapi ≤ 10.00%	16
		0.00% < tetapi ≤ 5.00%	8
		≤ 0.00%	0

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
	<p>t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa;</p> <p>t-2 = tiga tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; dan</p> <p>Sumbangan perniagaan baru adalah sebagaimana yang ditakrifkan dalam "Statement of New Business" yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful.</p>		
Nisbah penumpuan perniagaan	$\frac{\text{Sumbangan berkala perniagaan baru (t)}}{\text{Sumbangan tunggal perniagaan baru (t)}} \times 100\%$ <p>iaitu,</p> <p>t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa;</p>	<p>&gt; 150%</p> <p>125% &lt; tetapi ≤ 150%</p> <p>100% ≤ tetapi ≤ 125%</p> <p>&lt; 100%</p>	<p>20</p> <p>14</p> <p>7</p> <p>0</p>

<i>Penunjuk aras</i>  (1)	<i>Formula</i>  (2)	<i>Julat hasil</i>  (3)	<i>Markah</i> <i>(%)</i>  (4)
	<p>Sumbangan berkala perniagaan baru merujuk kepada perniagaan baru yang dilaporkan di bawah kategori "Annual Contribution" dalam "Statement of New Business" sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful.</p> <p>Sumbangan tunggal perniagaan baru merujuk kepada perniagaan baru yang dilaporkan di bawah kategori "Single Contribution" dalam "Statement of New Business" sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful.</p>		

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
Nisbah pengekalan perniagaan	Sumbangan pembaharuan (t)	> 80.00%	20
	$\frac{\text{Sumbangan pembaharuan (t)}}{\text{Sumbangan pembaharuan (t-1) + Sumbangan tahun pertama (t-1)}} \times 100\%$	76.00% < tetapi $\leq 80.00\%$	14
	iaitu,	70.00% $\leq$ tetapi $\leq 76.00\%$	7
	t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa;	< 70.00%	0
	Sumbangan tahun pertama merujuk kepada sumbangan yang diterima bagi tahun pertama sijil, jika tempoh pembayaran sumbangan adalah dua tahun atau lebih, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful; dan  Sumbangan pembaharuan merujuk kepada sumbangan		

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
	yang diterima selepas tahun pertama sijil, jika tempoh pembayaran sumbangan adalah dua tahun atau lebih, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful.		
Hasil pelaburan	$2 \times [\text{Pendapatan pelaburan bersih (I) + Keuntungan atau kerugian modal bersih (C)}]$ $\frac{\quad}{\text{Jumlah aset (t) + Jumlah aset (t-1) - (I+C)}} \times 100\%$ <p>iaitu,  t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa;  t-1 = dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa;</p> <p>Pendapatan pelaburan bersih adalah seperti yang</p>	$> \text{GII} + 150\text{bp}$  $\text{GII} + 75\text{bp} < \text{tetapi} \leq \text{GII} + 150\text{bp}$  $\text{GII} \leq \text{tetapi} \leq \text{GII} + 75\text{bp}$  $< \text{GII}$ <p>iaitu,  GII merujuk kepada purata 5 tahun kadar semasa Isu Pelaburan Kerajaan pada</p>	15  10  5  0

<i>Penunjuk aras</i>  (1)	<i>Formula</i>  (2)	<i>Julat hasil</i>  (3)	<i>Markah</i> <i>(%)</i>  (4)
	<p>terdapat dalam akaun hasil dana takaful keluarga sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful;</p> <p>Keuntungan atau kerugian modal bersih merangkumi kedua-dua keuntungan atau kerugian modal direalisasi bersih dan keuntungan atau kerugian modal tidak direalisasi bersih sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful iaitu:</p> <p>Keuntungan atau kerugian modal direalisasi bersih termasuk keuntungan dan kerugian atas pelupusan sekuriti;</p>	<p>tarikh urus niaga terakhir setiap suku tahun dalam tahun taksiran yang sebelumnya; dan</p> <p>bp merujuk kepada mata asas bagi tujuan menentukan GII.</p>	

<i>Penunjuk aras</i>  (1)	<i>Formula</i>  (2)	<i>Julat hasil</i>  (3)	<i>Markah</i> <i>(%)</i>  (4)
	<p>Keuntungan atau kerugian modal tidak direalisasi bersih termasuk pengurangan nilai dan masuk kira semula pengurangan nilai sekuriti, keuntungan atau kerugian tidak direalisasi terhadap sekuriti, dan pergerakan rizab "Sedia untuk Dijual" ("AFS") dalam tahun taksiran yang sebelumnya bagi dana takaful keluarga;</p> <p>Bagi maksud mengira pergerakan rizab AFS, jumlah itu merupakan perbezaan antara rizab AFS, nilai kasar sebelum cukai, pada 31 Disember bagi dua tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa dan rizab AFS, nilai kasar sebelum cukai, pada 31 Disember satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa.</p>		



<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
	<p>Rizab AFS adalah sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful; dan</p> <p>Jumlah aset merujuk kepada jumlah aset bagi dana takaful sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful, jika dana takaful termasuk keluarga biasa dan anuiti dan dana operasi berkaitan pelaburan.</p>		
Nisbah jurang perbelanjaan	$\frac{\text{Perbelanjaan pengurusan} + \text{Perbelanjaan komisen}}{\text{Fi wakalah diperoleh} + \text{Lebihan yang dipindah dari Mudharabah}} \times 100\%$ <p>iaitu, Perbelanjaan pengurusan</p>	<p>≤ 105.00%</p> <p>105.00% &lt; tetapi ≤ 115.00%</p> <p>115.00% &lt; tetapi ≤ 120.00%</p> <p>&gt; 120.00%</p>	<p>20</p> <p>14</p> <p>7</p> <p>0</p>

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
	<p>merujuk kepada perbelanjaan ditanggung bagi dana pemegang saham dan dana takaful sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful;</p> <p>Perbelanjaan komisen merujuk kepada perbelanjaan ditanggung bagi dana takaful am dan dana takaful keluarga sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful;</p> <p>Fi wakalah diperoleh merujuk kepada jumlah fi wakalah diperoleh yang diterima oleh pengendali takaful sebagaimana yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Mengenai Sistem</p>		

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah</i> <i>(%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
	<p>Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful; dan</p> <p>Lebihan yang dipindah dari Mudharabah merujuk kepada jumlah lebihan dipindah dari dana takaful berhubung dengan perjanjian Mudharabah sahaja sebagaimana yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Mengenai Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful.</p>		
<p>Bagi maksud penghitungan seperti yang ditentukan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful. Bagi mengelakkan keraguan, sebutan kepada istilah dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful, dan jika istilah itu digantikan dengan satu peristilahan yang baru atau diberikan takrif yang baru, atau kedua-duanya, di bawah Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful, istilah di atas hendaklah disifatkan sebagai digantikan dengan peristilahan atau takrif baru, atau kedua-duanya, yang bersamaan dengannya, di bawah Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful.</p>			

**Penghitungan dan pemarkahan penunjuk aras bagi ukuran operasi dan kemampuan bagi perniagaan takaful am**

10B. Penunjuk aras yang ditentukan dalam ruang (1) bagi suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful am hendaklah dihitung mengikut formula yang ditentukan dalam ruang (2), dan jika nilai itu termasuk dalam julat hasil yang ditentukan dalam ruang (3), pemarkahan yang diberi kepada nilai itu hendaklah yang bersetentangan dengan markah yang ditentukan dalam ruang (4) seperti yang berikut:

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
Kadar pertumbuhan sumbangan kasar	$\frac{[\text{Sumbangan kasar (t)} - \text{Sumbangan kasar (t-1)}]}{\text{Sumbangan kasar (t-1)}} \times 100\%$	> 7.00%	25
		5.00% < tetapi ≤ 7.00%	16
	Ini adalah berdasarkan purata wajaran tiga tahun kadar pertumbuhan yang dihitung seperti yang berikut: [50% x kadar pertumbuhan (t)] + [30% x kadar pertumbuhan (t-1)] + [20% x kadar pertumbuhan(t-2)]	0.00% < tetapi ≤ 5.00%	8
	iaitu, t = satu tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; t-1 = dua tahun sebaik sebelum	≤ 0.00%	0

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
	<p>tahun taksiran semasa; t-2 = tiga tahun sebaik sebelum tahun taksiran semasa; dan</p> <p>Sumbangan kasar merujuk kepada sumbangan kasar asal tanpa sebarang potongan takaful semula disid atau penambahan takaful semula yang diterima, seperti dilaporkan dalam "Statement of Contributions" sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful.</p>		
Nisbah kepelbagaian perniagaan	$\frac{\text{PRAD} - \text{Dana PRAD}}{\text{PRAD}} \times 100\%$ <p>iaitu, PRAD yang merujuk kepada peruntukan margin risiko bagi deviasi tidak wajar, adalah komponen nilai liabiliti takaful yang berkaitan dengan ketidaktentuan yang wujud dalam anggaran terbaik,</p>	<p>&gt; 30.00%</p> <p>20.00% &lt; tetapi ≤ 30.00%</p> <p>15.00% ≤ tetapi ≤ 20.00%</p> <p>&lt;15.00%</p>	<p>20</p> <p>14</p> <p>7</p> <p>0</p>

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
	sebagaimana yang ditakrifkan dalam " <i>Guidelines on Valuation Basis for Liabilities of General Takaful Business</i> " sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia.		
Nisbah belum terima	Takaful belum terima _____ x 100%	≤ 10.00%	15
	Sumbangan kasar iaitu, Takaful belum terima merujuk kepada agregat sumbangan terkumpul dan baki ejen dan jumlah terhutang dari syarikat takaful semula atau syarikat pengesid sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful.	10.00% < tetapi ≤ 15.00%	10
		15.00% < tetapi ≤ 20.00%	5
		> 20.00%	0
Nisbah kerugian	Tuntutan bersih kena dibayar _____ x 100%	≤ 40.00%	20
	Pendapatan sumbangan terperoleh	40.00% < tetapi ≤ 50.00%	14

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
	<p>iaitu,</p> <p>Tuntutan bersih kena dibayar merujuk kepada tuntutan yang dibayar dicampur dengan peningkatan atau ditolak dengan penurunan dalam peruntukan bagi liabiliti tuntutan tertunggak dalam tahun taksiran yang sebelumnya, selepas ditolak pemulihan takaful semula, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful; dan</p> <p>Pendapatan sumbangan terperoleh merujuk kepada sumbangan bersih ditolak dengan peningkatan atau dicampur dengan penurunan dalam sumbangan rizab tidak diperoleh dalam tahun taksiran yang sebelumnya, sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful.</p>	<p>50.00% &lt;</p> <p>tetapi ≤</p> <p>60.00%</p> <p>&gt; 60.00%</p>	<p>7</p> <p>0</p>

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah (%)</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
Nisbah jurang perbelanjaan	Perbelanjaan pengurusan + Perbelanjaan komisen	≤ 105.00%	20
	_____ x 100%	105.00% <	14
	Fi wakalah diperoleh + Lebihan yang dipindah dari Mudharabah	tetapi ≤115.00%	
	iaitu,	115.00% <	7
	Perbelanjaan pengurusan merujuk kepada perbelanjaan ditanggung bagi dana pemegang saham dan dana takaful sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful;	tetapi ≤120.00%	
Perbelanjaan komisen merujuk kepada perbelanjaan ditanggung bagi dana takaful am dan dana takaful keluarga sebagaimana yang ditentukan dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful;	>120.00%	0	
Fi wakalah diperoleh merujuk kepada jumlah fi wakalah			



<i>Penunjuk aras</i>  (1)	<i>Formula</i>  (2)	<i>Julat hasil</i>  (3)	<i>Markah (%)</i>  (4)
	<p>diperoleh yang diterima oleh pengendali takaful sebagaimana yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Mengenai Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful; dan</p> <p>Lebih yang dipindah dari Mudharabah merujuk kepada jumlah lebih dipindah dari dana takaful berhubung dengan perjanjian Mudharabah sahaja sebagaimana yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Mengenai Sistem Levi Berbeza bagi Pengendali Takaful.</p>		
<p>Bagi maksud penghitungan seperti yang ditentukan dalam ruang (2), istilah yang digunakan dalam formula hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful. Bagi mengelakkan keraguan, sebutan kepada istilah dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya dalam Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful, dan jika istilah itu digantikan dengan satu istilah yang baru atau diberikan takrif yang baru, atau kedua-duanya, di bawah Garis Panduan Pengemukaan Penyata Statistik bagi Pengendali Takaful, istilah di atas hendaklah disifatkan sebagai digantikan dengan peristilahan atau takrif baru, atau kedua-duanya, yang bersamaan dengannya, di bawah Garis Panduan Pengemukaan Penyata</p>			

<i>Penunjuk aras</i>	<i>Formula</i>	<i>Julat hasil</i>	<i>Markah</i> (%)
(1)	(2)	(3)	(4)
Statistik bagi Pengendali Takaful.			

”;

(l) dalam jadual kepada subperenggan 15(1)—

- (i) berhubung dengan kriteria kuantitatif “Ukuran operasi dan kemampuan (bagi perniagaan insurans hayat) (rujuk kepada perenggan 9)”, dengan menggantikan perkataan “Nisbah pulangan atas modal yang diperlukan” dengan perkataan “Nisbah perbelanjaan”;
- (ii) berhubung dengan kriteria kuantitatif “Ukuran operasi dan kemampuan (bagi perniagaan insurans am) (rujuk kepada perenggan 10)”—
  - (A) dengan menggantikan perkataan “20” yang terdapat bersetentangan dengan perkataan “Nisbah belum terima” dengan perkataan “15”;
  - (B) dengan menggantikan perkataan “20” yang terdapat bersetentangan dengan perkataan “Nisbah gabungan” dengan perkataan “25”; dan
  - (C) dengan menggantikan perkataan “Nisbah margin operasi” dengan perkataan “Volatiliti pulangan yang diselaraskan dengan purata keuntungan”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas kriteria kuantitatif “Ukuran operasi dan kemampuan (bagi perniagaan insurans am) (rujuk kepada perenggan 10)” dan butir-butir yang berhubungan

dengannya butir-butir yang berikut:

		<i>Penunjuk aras (%)</i>	<i>Markah maksimum (%)</i> (1)	
Ukuran operasi dan kemampanan (bagi perniagaan takaful perpaduan keluarga) (rujuk kepada perenggan 10A)	Kadar pertumbuhan perniagaan baru	25		
	Nisbah penumpuan perniagaan	20		
	Nisbah pengekalan perniagaan	20		
	Hasil pelaburan	15		
	Nisbah jurang perbelanjaan	20		
Ukuran operasi dan kemampanan (bagi perniagaan takaful am) (rujuk kepada perenggan 10B)	Kadar pertumbuhan sumbangan kasar	25		
	Nisbah kepelbagaian perniagaan	20		
	Nisbah belum terima	15		
	Nisbah kerugian	20		
	Nisbah jurang perbelanjaan	20		

”;

(m) dengan menggantikan subperenggan 16(2) dengan subperenggan yang berikut:

“(2) Bagi mengelakkan keraguan—

(a) kategori premium yang suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan insurans komposit dikelaskan bagi tahun taksiran itu hendaklah terpakai bagi kedua-dua perniagaan insurans hayat dan perniagaan insurans am bagi tujuan menentukan kadar premium yang terpakai dalam Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama dan Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2016 [P.U. (A) 49/2016]; dan

(b) kategori premium yang suatu anggota penanggung insurans yang menjalankan perniagaan takaful komposit dikelaskan bagi tahun taksiran itu hendaklah terpakai bagi kedua-dua perniagaan takaful perpaduan keluarga dan perniagaan takaful am bagi tujuan menentukan kadar premium yang terpakai dalam Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama dan Premium Tahunan berkenaan dengan Anggota Penanggung Insurans) 2016.”;

(n) dalam perenggan 17, dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “apabila” dengan perkataan “iaitu”; dan

(o) dalam perenggan 18, dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “insurance companies” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “insurer members”.

Dibuat 29 Februari 2016  
[PIDM/PN/01/2015; PN(PU2) 689/IV]

TAN SRI DATUK DR ABDUL SAMAD HAJI ALIAS  
*Pengerusi*  
